

Usaha berterusan perkukuh struktur khidmat awam

Kuala Lumpur: Usaha berte- rusan perlu dilakukan bagi memperkuuh struktur per- khidmatan awam agar kekal mampan, responsif dan seajar dengan keperluan semasa ne- gara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata per- kara itu dibangkitkan beliau sewaktu mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembaharuan Perkhid- matan Awam Bilangan 1 Tahun 2025, semalam.

“Susulan kejayaan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhid- matan Awam (SSPA) Fasa 1 dan melalui proses libat urus yang berterusan, pelbagai cadangan inisiatif dasar baharu perkhid- matan awam telah dibincang- kan.

“Ini termasuk mengenai mo- biliti dan portabiliti penjawat awam, demi memastikan me- reka lebih berdaya saing di ma- sa hadapan,” kata beliau me- nerusi catatan di Facebook.

Perdana Menteri berkata, be- liau percaya pembaharuan itu harus dilaksanakan secara te- liti dan inklusif, dengan me- ngutamakan kepentingan ra- kyat, kebajikan penjawat awam serta kemampuan fiskal negara.

SSPA menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang berkuat kuasa pada 1 Disember 2024 mengutamakan prestasi perkhidmatan awam dan men- dahulukan kebajikan penjawat awam.

Ia dirangka sebagai satu sis- tem saraan yang berteraskan kepada aspek prestasi, selaras dengan hasrat untuk memas- tikan peningkatan produktiviti dalam perkhidmatan awam dan menjaga kesejahteraan pe- gawai, prinsip pemberian gan- jaran berdasarkan prestasi dan tatakelakuan.

Di bawah SSPA, pegawai Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang memilih skim berkenaan, akan menerima pe- larasan gaji sebanyak 15 pe- ratus secara berfasa iaitu lapan peratus bagi Fasa 1 pada Di- sember 2024, manakala tujuh peratus untuk Fasa 2 pada Ja- nuari 2026.

Sementara itu, Kumpulan Pengurusan Tertinggi akan menerima pelarasan gaji tujuh peratus dengan empat peratus bagi Fasa 1 dan tiga peratus bagi Fasa 2.

BERNAMA